

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN

4.1 Pengenalan

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat dan mengenalpasti amalan komunikasi pengetua pada persepsi guru dan kepuasan kerja guru di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Kajian ini juga ingin melihat hubungan di antara amalan komunikasi pengetua dengan kepuasan kerja guru.

Data yang diperolehi daripada soal selidik telah dianalisis dan dinyatakan dapatannya dalam bab ini. Sebanyak 30 set soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru. Jawapan yang diterima kembali dan dianggap sempurna ialah sebanyak 30 iaitu 100%.

Analisis data dilakukan melalui bantuan komputer dengan menggunakan perisian 'Statistical Package For The Social Sciences' (SPSS) 9.0. Dapatan daripada analisa data dan intepretasi dihuraikan dalam dua bentuk. Bentuk pertama ini bertujuan menerangkan taburan kekerapan, peratusan dan min bagi item-item komunikasi pengetua dan kepuasan kerja. Bentuk kedua menggunakan analisis inferensi bagi menghuraikan hubungan variabel bebas iaitu komunikasi pengetua dengan variabel bersandar iaitu kepuasan kerja.

Bab ini membincangkan dapatan-dapatan dari kajian yang telah dijalankan. Sebelum membincangkan dapatan kajian secara khusus dan

terperinci, terlebih dahulu akan dibincangkan beberapa ciri demografi. Perbincangan seterusnya akan berdasarkan kepada objektif kajian dan soalan-soalan kajian.

4.2 Ciri-ciri Demografi Responden

Huraian berkaitan dengan sampel adalah berdasarkan kepada Bahagian A dalam soal selidik yang dikemukakan kepada responden. Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan profil responden dari segi jantina, umur, kategori perkhidmatan dan pengalaman mengajar yang dianggap boleh memberi gambaran yang jelas tentang ciri-ciri responden. Profil responden diringkaskan dalam jadual-jadual berikut.

4.2.1 Ciri-ciri Responden Berdasarkan Jantina

Jadual 9 – Ciri-ciri Responden Berdasarkan Jantina (n = 30)

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	5	16.7
Perempuan	25	82.3
Jumlah	30	100

Jadual 9 menunjukkan bilangan responden mengikut jantina. Jadual menunjukkan bahawa daripada 30 responden, 5 orang adalah guru lelaki (16.7%) manakala 25 orang (82.3 %) adalah guru perempuan. Ini bermakna jumlah guru perempuan adalah lebih ramai daripada guru lelaki dalam menjawab soal selidik.

Sebenarnya bilangan guru perempuan (68%) memang lebih ramai dibandingkan dengan guru lelaki (32%) di Malaysia (Sunday Star, September 14, 1996). Dilaporkan juga peratusan guru perempuan mencapai 95% di sesetengah sekolah di bandar-bandar besar.

4.2.2 Ciri-ciri Responden Berdasarkan Umur

Jadual 10 – Ciri-ciri Responden Berdasarkan Umur

Umur	Kekerapan	Peratus
30 tahun ke bawah	11	36.7
31 – 40 tahun	14	46.7
41 – 50 tahun	5	16.6
51 tahun ke atas	-	-
Jumlah	30	100

Jadual 10 menunjukkan taburan umur responden. Seramai 11 responden (36.7%) berada dalam lingkungan 30 tahun ke bawah, 14 responden (46.7%) adalah antara umur 31 hingga 40 tahun, 5 responden (16.6%) berada antara umur 41 hingga 50 tahun. Tiada responden yang berumur 51 tahun ke atas. Dapatkan ini menunjukkan bahawa majoriti responden (83.4%) berada dalam lingkungan umur 40 tahun ke bawah.

4.2.3 Ciri – ciri Responden Berdasarkan Kategori Perkhidmatan

Mengenai kategori perkhidmatan di Jadual 11 di bawah, didapati ramai daripada responden adalah guru siswazah iaitu

seramai 21 responden (70%) sementara 9 responden (30%) adalah guru bukan siswazah.

Jadual 11– Ciri- ciri Responden Berdasarkan Kategori Perkhidmatan

Kategori Perkhidmatan	Kekerapan	Peratus
Siswazah	21	70.0
Bukan Siswazah	9	30.0
Jumlah	30	100

4.2.4 Ciri-ciri Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Dari aspek pengalaman mengajar didapati seramai 46.7% bertugas selama 5 tahun ke bawah dan seramai 33.4% bertugas antara 6 hingga 10 tahun. Hanya 3.3% bertugas antara 11 hingga 15 tahun sementara 13.3% bertugas antara 16 hingga 20 tahun. 3.3% responden pula bertugas lebih daripada 21 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan responden (80.1%) mempunyai pengalaman mengajar 10 tahun ke bawah. Ini dapat dilihat dalam Jadual 12.

Jadual 12– Ciri-ciri Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Kekerapan	Peratus
5 tahun ke bawah	14	46.7
6-10 tahun	10	33.4
11-15 tahun	1	3.3
16 – 20 tahun	4	13.3
21 tahun ke atas	1	3.3
Jumlah	30	100

4.3 Komunikasi Pengetua Mengikut Persepsi Guru

Bahagian ini menerangkan amalan komunikasi pengetua mengikut persepsi guru. Amalan komunikasi pengetua yang dikaji adalah berdasarkan amalan komunikasi ke bawah dan komunikasi ke atas. Analisis kekerapan setiap item digunakan untuk melihat persepsi guru terhadap komunikasi pengetua mereka. Nilai min pula digunakan untuk melihat tahap kekerapan amalan komunikasi ke bawah dan ke atas yang dipraktikkan oleh pengetua pada persepsi guru.

4.3.1 Amalan Komunikasi Ke Bawah Oleh Pengetua Mengikut Persepsi Guru

Jadual 13 – Taburan Kekerapan Komunikasi Ke Bawah Oleh Pengetua Mengikut Persepsi Guru

Item Komunikasi Ke Bawah	Selalu		Kadang-kadang		Tidak Pernah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1. Arahan jelas dan tepat	4	13.3	25	83.3	1	3.3
2. Maklumat mencukupi	3	10.0	25	83.3	2	6.7
3. Maklumat tepat pada masa	4	13.3	21	70.0	5	16.7
4. Cara penyampaian sesuai	7	23.3	22	73.3	1	3.3
5. Bahasa mudah difahami	15	50.0	13	43.3	2	6.7
6. Penerangan tentang tugas	7	23.3	21	70.0	2	6.7
7. Memberi maklumbalas	2	6.7	17	56.7	11	36.7
8. Memberitahu cara penilaian	2	6.7	16	53.3	12	40.0
9. Melahirkan rasa yakin	3	10.0	18	60.0	9	30.0
10. Memberi pujian	2	6.7	22	73.3	6	20.0

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, perincian terhadap setiap item komunikasi ke bawah pada persepsi guru telah dijalankan. Sebanyak 10 pernyataan telah dikemukakan kepada responden. Analisis setiap item amalan komunikasi ke bawah oleh pengetua adalah seperti di dalam Jadual 13 di atas.

Berdasarkan Jadual 13 di atas, didapati item yang mendapat peratusan yang paling tinggi berhubung dengan kekerapan amalan komunikasi ke bawah yang selalu dipraktikkan oleh pengetua ialah menggunakan bahasa yang mudah difahami apabila menerangkan keperluan tugas guru-guru iaitu sebanyak 50%. Ini menunjukkan bahawa pengetua yang dikaji lebih memberi fokus kepada aspek penggunaan bahasa yang mudah difahami dalam mengamalkan komunikasi ke bawah. Data ini dapat ditunjukkan dengan lebih jelas lagi di dalam Rajah 4.

Seramai 23.3% guru pula beranggapan pengetua selalu menyampaikan maklumat kepada guru-guru dengan cara yang sesuai dan 23.3% guru juga berpendapat pengetua selalu memberi penerangan tentang kenapa sesuatu tugas itu perlu dilaksanakan.

Hanya 13.3% guru berpendapat pengetua selalu memberi arahan yang jelas dan tepat tentang tugas yang harus dilaksanakan oleh guru dan seramai 13.3% guru juga menyatakan


maklumat yang disediakan oleh pengetua itu selalu sampai tepat pada masanya.

10.0% guru pula menyatakan pengetua selalu menyediakan maklumat yang mencukupi untuk mereka melaksanakan tugas sementara 10% guru juga berpendapat pengetua selalu melahirkan rasa yakin terhadap kemampuan mereka.


Bagaimana pun seramai 6.7% guru berpendapat pengetua selalu memberi maklumbalas tentang kemajuan tugas dan 6.7% guru juga menyatakan pengetua selalu memberitahu bagaimana penilaian dibuat. 6.7% guru juga berpendapat pengetua selalu memberi pujian ke atas sesuatu tugas yang dilaksanakan dengan baik. Ini merupakan peratusan yang paling rendah berhubung dengan kekerapan amalan komunikasi ke bawah yang selalu diamalkan oleh pengetua mengikut persepsi guru. Ini menunjukkan pengetua yang dikaji kurang memberi pujian kepada guru-guru terhadap tugas yang dilaksanakan dengan baik dan kurang menitikberatkan pemberian maklumat sama ada tentang kemajuan tugas ataupun tentang penilaian. Data ini ditunjukkan dengan lebih jelas lagi di dalam Rajah 4.

Rajah 5 pula menunjukkan dengan lebih jelas lagi kekerapan amalan komunikasi ke bawah yang dipraktikkan oleh pengetua mengikut persepsi guru secara keseluruhan.

Rajah 4 - Kekerapan Amalan Komunikasi Ke Bawah
Yang Selalu DiPraktikkan Oleh Pengetua



Rajah 5 - Kekerapan Amalan Komunikasi Ke Bawah
Oleh Pengetua Secara Keseluruhan



4.3.2 Amalan Komunikasi Ke Atas Oleh Pengetua Mengikut Persepsi Guru

Jadual 14 – Taburan Kekerapan Komunikasi Ke Atas Oleh Pengetua Mengikut Persepsi Guru

Item Komunikasi Ke Atas	Selalu		Kadang-kadang		Tidak Pernah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1. Menerima idea dan pendapat	1	3.3	21	70.0	8	26.7
2. Memberi ruang kemuka idea	3	10.0	20	66.7	7	23.3
3. Memahami kehendak tugas	3	10.0	19	63.3	8	26.7
4. Galak perkongsian maklumat	5	16.7	17	56.7	8	26.7
5. Bersedia mendengar	1	3.3	23	76.7	6	20.0
6. Peka terhadap aduan guru	2	6.7	21	70.0	7	23.3
7. Boleh dihubungi	6	20.0	19	63.3	5	16.7
8. Peluang bersuara dan membuat keputusan	2	6.7	21	70.0	7	23.3
9. Komunikasi 2 hala dalam mesyuarat	1	3.3	24	80.0	5	16.7
10. Komunikasi 2 hala dalam perbincangan tidak formal	3	10.0	23	76.7	4	13.3

Perincian ke atas setiap item komunikasi ke atas mengikut persepsi guru juga telah dijalankan. Sebanyak 10 pernyataan juga telah dikemukakan kepada responden. Jadual 14 merupakan analisis kekerapan setiap item amalan komunikasi ke atas oleh pengetua mengikut persepsi guru.

Merujuk kepada Jadual 14, didapati 20.0% guru berpendapat pengetua selalu boleh dihubungi pada bila-bila masa apabila perlu. Ini merupakan peratusan yang paling tinggi dari segi kekerapan amalan komunikasi ke atas yang selalu dipraktikkan


oleh pengetua. Data ini diperjelaskan lagi di dalam Rajah 6. Seramai 16.7% guru pula beranggapan pengetua selalu menggalakkan perkongsian maklumat dengan pihak pengurusan.

Hanya 10% guru berpendapat pengetua selalu memberi ruang kepada mereka untuk mengemukakan idea dan pandangan. 10% guru beranggapan pengetua selalu memahami kehendak tugas mereka dan 10% guru juga menyatakan pengetua selalu menggalakkan berlakunya komunikasi dua hala dalam perbincangan tidak formal.


6.7% guru berpendapat pengetua selalu memberi peluang kepada guru untuk bersuara dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan tugas dan 6.7% guru juga menyatakan pengetua selalu peka terhadap aduan daripada guru-guru.

Bagaimanapun hanya 3.3% guru sahaja yang berpendapat pengetua selalu menerima baik idea dan pandangan mereka dan 3.3% guru juga menyatakan pengetua selalu bersedia mendengar masalah mereka berhubung dengan tugas. 3.3% guru juga berpendapat pengetua selalu mewujudkan komunikasi dua hala dalam mesyuarat. Ini merupakan peratusan yang paling rendah terhadap kekerapan amalan komunikasi ke atas yang selalu dipraktikkan oleh pengetua. Rajah 6 memperjelaskan lagi data ini. Rajah 7 pula memperlihatkan kekerapan pengetua mengamalkan komunikasi ke atas mengikut persepsi guru secara keseluruhan.

Rajah 6 - Kekerapan Amalan Komunikasi Ke Atas Yang Selalu DiPraktikkan Oleh Pengguna



Rajah 7 - Kekerapan Amalan Komunikasi Ke Atas Oleh Pengguna Secara Keseluruhan



4.3.3 Kekerapan Skor Variabel Komunikasi Ke Bawah

Jadual 15 di bawah menunjukkan skor dimensi komunikasi ke bawah seperti yang dipersepsikan oleh responden terhadap kekerapan amalan komunikasi pengetua mereka. Skor bagi dimensi ini ialah antara 13 hingga 43 dengan min 25.6000 dan sisisian piawai ialah 6.8158. Daripada data ini didapati sebanyak 53.3% (16) guru mempunyai persepsi bahawa pengetua mereka mengamalkan komunikasi ke bawah di bawah min manakala 46.7% (14) guru mempunyai persepsi bahawa pengetua mereka mengamalkan komunikasi ke bawah yang melebihi min.

Jadual 15 - Kekerapan Skor Variabel Komunikasi Ke Bawah

Skor	Kekerapan	Peratus
13.00	1	3.3
16.00	2	6.7
17.00	1	3.3
18.00	1	3.3
20.00	1	3.3
21.00	1	3.3
22.00	3	10.0
23.00	2	6.7
24.00	1	3.3
25.00	3	10.0
26.00	2	6.7
27.00	1	3.3
28.00	1	3.3
29.00	4	13.3
31.00	2	6.7
34.00	2	6.7
40.00	1	3.3
43.00	1	3.3
Jumlah	30	100.0

Min – 25.6000

S. P. – 6.8158

4.3.4 Kekerapan Skor Variabel Komunikasi Ke Atas

Jadual 16 di bawah menunjukkan skor bagi dimensi komunikasi ke atas seperti yang dipersepsikan oleh guru-guru terhadap kekerapan amalan komunikasi pengetua mereka. Data menunjukkan skor guru-guru bagi dimensi ini adalah di antara 10 hingga 45 dengan min sebanyak 23.1333 dan sisihan piawai ialah 7.5964. Didapati sebanyak 56.7% (17) guru mempunyai persepsi bahawa pengetua mereka mengamalkan komunikasi ke atas di bawah min manakala 43.3% (13) guru mempunyai persepsi bahawa pengetua mereka mengamalkan komunikasi ke atas yang melebihi min.

Jadual 16 – Kekerapan Skor Variable Komunikasi Ke Atas

Skor	Kekerapan	Peratus
10.00	2	6.7
14.00	2	6.7
15.00	2	6.7
19.00	3	10.0
20.00	1	3.3
21.00	2	6.7
22.00	3	10.0
23.00	2	6.7
24.00	1	3.3
25.00	1	3.3
26.00	2	6.7
27.00	2	6.7
28.00	2	6.7
29.00	2	6.7
34.00	1	3.3
37.00	1	3.3
45.00	1	3.3
Jumlah	30	100.0

Min – 23.1333

S.P. – 7.5964

Daripada jadual 15 dan 16, min bagi dimensi komunikasi ke bawah ialah 25.6000 dan min bagi dimensi komunikasi ke atas ialah 23.1333. Jika dibandingkan kedua-dua min berkenaan, didapati min bagi komunikasi ke bawah adalah lebih tinggi daripada min komunikasi ke atas sebanyak 2.4667. Ini bermakna responden mempersepsikan pengetua sekolah mereka menekankan komunikasi ke bawah lebih sedikit sahaja daripada komunikasi ke atas.

4.4

Kepuasan Kerja Guru

Bahagian ini menerangkan kepuasan kerja guru. Kepuasan kerja yang dikaji adalah dari aspek faktor pendorong dan faktor higien. Analisis kekerapan dan peratus setiap item digunakan untuk melihat kepuasan kerja guru. Nilai min pula digunakan untuk melihat tahap kekerapan kepuasan kerja guru.

4.4.1 Kepuasan Kerja Guru dari Aspek Faktor Pendorong

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, perincian terhadap setiap item kepuasan kerja dari aspek faktor pendorong telah dijalankan. Sebanyak 7 pernyataan telah dikemukakan kepada responden. Analisis setiap item aspek faktor pendorong adalah seperti berikut ;

Jadual 17 – Taburan Kekerapan Kepuasan Kerja Guru-Guru Dari Aspek Faktor Pendorong

Item Kepuasan Kerja	Puas Hati		Tidak Tahu		Tidak Puas Hati	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1. Cara memberi penghargaan	4	13.3	10	33.3	16	53.3
2. Rutin kerja sekarang	12	40.0	2	6.7	16	53.3
3. Tugas dan tanggungjawab	15	50.0	3	10.0	12	40.0
4. Pengalaman dan kepakaran	7	23.3	9	30.0	14	46.7
5. Kebebasan merancang tugas	11	36.7	5	16.7	14	46.7
6. Tugas berkaitan mengajar	20	66.7	2	6.7	8	26.7
7. Bebas Membuat Keputusan	9	30.0	5	16.7	16	53.3

Berdasarkan kepada Jadual 17 di atas, didapati 66.7 % guru berpuas hati dengan tugas berkaitan mengajar yang dipertanggungjawabkan. Ini merupakan peratusan kepuasan kerja yang tertinggi. Data ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi dalam Rajah 8. Seramai 50% guru pula berpuas hati dengan tugas dan tanggungjawab yang diserahkan kepada mereka. Ini menunjukkan bahawa guru-guru paling berpuas hati dengan aspek tugas yang berkaitan dengan mengajar diikuti oleh tugas dan tanggungjawab yang diserahkan kepada mereka.

Seramai 40.0% guru menyatakan rasa puas hati terhadap rutin kerja mereka sekarang sementara 36.7% guru pula berpuas hati dengan kebebasan untuk merancang sendiri tugas mereka. 30.0% guru juga berpuas hati dengan kebebasan membuat keputusan dalam perkara yang berkaitan dengan tugas. Selain itu

seramai 23.3% guru menyatakan rasa puas hati terhadap perhatian pihak pengurusan terhadap pengalaman dan kepakaran mereka.

Bagaimana pun hanya 13.3% guru berpuas hati dengan cara pihak pengurusan memberi penghargaan terhadap tugas mereka. Ini merupakan peratusan yang paling rendah terhadap item kepuasan kerja. Ini menunjukkan bahawa guru paling kurang berpuas hati dengan cara pengetua memberi penghargaan kepada mereka. Data ini diperlihatkan dengan lebih jelas lagi dalam Rajah 8.

Tahap kepuasan kerja guru dari aspek faktor pendorong secara keseluruhan pula boleh dilihat dengan lebih jelas lagi dalam Rajah 9.

4.4.2 Kepuasan Kerja Guru Dari Aspek Faktor Higien

Jadual 18 – Taburan Kekerapan Kepuasan Kerja Guru Dari Aspek Faktor Higien

Item Faktor Higien	Puas Hati		Tidak Tahu		Tidak Puas Hati	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1. Cara penilaian prestasi	3	10.0	12	40.0	15	50.0
2. Hubungan dengan pengetua	11	36.7	3	10.0	16	53.3
3. Cara penyeliaan tugas	7	23.3	10	33.3	13	43.3
4. Cara membina 'rapport'	4	13.3	11	36.7	15	50.0
5. Teguran dan pandangan	6	20.0	12	40.0	12	40.0


Perincian ke atas setiap item kepuasan kerja dari aspek faktor higien juga telah dijalankan. Sebanyak 5 pernyataan telah dikemukakan kepada responden. Jadual 18 merupakan analisis setiap item faktor higien. Berdasarkan Jadual 18, didapati bahawa 36.7% guru berasa puas hati dari segi hubungan mereka dengan pengetua. Ini merupakan peratusan yang tertinggi.

Seramai 23.3% guru pula menyatakan rasa puas hati mereka dengan cara pengetua menyelia tugas sementara 20.0% guru pula puas hati dengan teguran dan pandangan pengetua terhadap tugas mereka.


Hanya 13.3% guru pula berpuas hati dengan cara pengetua membina 'rapport' dengan guru-guru manakala 10.0% guru menyatakan mereka berpuas hati dengan cara penilaian prestasi. Ini merupakan peratusan yang terendah. Data ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi dalam Rajah 10

Tahap kepuasan kerja guru dari aspek faktor higien secara keseluruhan boleh dilihat dengan lebih jelas lagi dalam Rajah 11.


Rajah 8 - Aspek Faktor Pendorong Yang Guru Berpuas Hati




Rajah 9 - Taburan Kekerapan Kepuasan Kerja Guru-Guru Dari Aspek
Faktor Pendorong Secara Keseluruhan



Rajah 10 - Aspek Faktor Higien Yang Guru Berpuas Hati



Rajah 11 - Taburan Kekerapan Kepuasan Kerja Guru Dari Aspek
Faktor Higien Secara Keseluruhan



4.4.3 Kekerapan Skor Variabel Faktor Pendorong

Jadual 19 – Kekerapan Skor Variabel Faktor Pendorong

Skor	Kekerapan	Peratus
7.00	1	3.3
12.00	1	3.3
13.00	2	6.7
14.00	1	3.3
16.00	3	10.0
17.00	1	3.3
18.00	1	3.3
19.00	3	10.0
20.00	2	6.7
21.00	5	16.7
22.00	1	3.3
23.00	3	10.0
24.00	2	6.7
28.00	2	6.7
29.00	1	3.3
34.00	1	3.3
Jumlah	30	100.0

Min – 20.0667

S.P. – 5.5828

Jadual 19 di atas menunjukkan skor kepuasan kerja guru dari aspek faktor pendorong. Data menunjukkan skor ialah antara 7 hingga 34 dengan min 20.0667 dan sisisian piawai ialah 5.5828. Daripada data ini didapati sebanyak 50.0% (15) guru mendapat skor di bawah min dan 50.0% (15) guru juga mendapat skor di atas min.

4.4.4 Kekerapan Skor Variabel Faktor Higien

Jadual 20 di bawah pula menunjukkan skor kepuasan kerja guru dari aspek faktor higien. Data menunjukkan skor ialah antara

8 hingga 24 dengan min 13.3000 dan sisihan piawai ialah 3.6498.

Daripada data ini didapati sebanyak 53.3% (16) guru mendapat skor di bawah min dan 46.7% (14) guru pula mendapat skor di atas min.

Jadual 20 – Kekerapan Skor Variabel Faktor Higien

Skor	Kekerapan	Peratus
8.00	3	10.0
9.00	1	3.3
10.00	3	10.0
11.00	3	10.0
12.00	1	3.3
13.00	5	16.7
14.00	7	23.3
15.00	1	3.3
16.00	1	3.3
17.00	2	6.7
19.00	1	3.3
20.00	1	3.3
24.00	1	3.3
Jumlah	30	100.0

Min – 13.3000

S.P. – 3.6498

Daripada jadual 19 dan 20, min bagi faktor pendorong ialah 20.0667 dan min bagi faktor higien ialah 13.3000. Jika dibandingkan kedua-dua min berkenaan, didapati min bagi faktor pendorong adalah lebih tinggi daripada min bagi faktor higien sebanyak 6.7667. Ini bermakna kepuasan kerja guru dari aspek faktor pendorong lebih sedikit berbanding dengan faktor higien.

4.5 Hubungan Antara Komunikasi Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Guru

Korelasi Pearson 'r' digunakan untuk melihat hubungan di antara variabel bebas iaitu komunikasi pengetua dengan variabel bersandar iaitu kepuasan kerja guru. Hubungan ini akan ditafsirkan berdasarkan indeks hubungan Pekali Pearson 'r' oleh Davis (1971) seperti di dalam Jadual 21.

Jadual 21 – Indeks Hubungan Pekali Pearson 'r'

Pekali Pearson 'r'	Penerangan Hubungan
0.70 atau lebih	Sangat Kuat
0.50 hingga 0.69	Kuat
0.30 hingga 0.49	Sederhana Kuat
0.10 hingga 0.29	Rendah
0.01 hingga 0.09	Diabaikan

Sumber : Davis (1971) Elementary Survey Analysis.
New Jersey : Prentice Hall Inc.

4.5.1 Hubungan Komunikasi Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Guru

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan komunikasi pengetua dengan kepuasan kerja guru secara umum. Jadual 22 di bawah menunjukkan hubungan di antara variabel bebas iaitu komunikasi pengetua dengan variabel bersandar iaitu kepuasan kerja guru.

Jadual 22 – Hubungan Antara Komunikasi Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Guru

Bil (n)	Variabel Bebas	Variabel Bersandar Kepuasan Kerja	
		Nilai Korelasi (r)	Kesignifikan (p)
30	Komunikasi Pengetua	0.767	0.000

p < 0.05

Keputusan kajian seperti yang didapati di Jadual 22 di atas menunjukkan nilai korelasi ialah 0.767 pada aras signifikan 0.000. Ini bermakna terdapat korelasi yang sangat kuat dan hubungan yang signifikan antara komunikasi pengetua dengan kepuasan kerja guru.

4.5.2 Hubungan Antara Komunikasi Ke Bawah Dan Ke Atas Dengan Kepuasan Kerja Guru

Jadual 23 di bawah menunjukkan hubungan komunikasi ke bawah dan komunikasi ke atas oleh pengetua dengan kepuasan kerja guru.

Jadual 23 – Hubungan Komunikasi Ke Bawah Dan Ke Atas Dengan Kepuasan Kerja Guru

Bil (n)	Variabel Bebas	Variabel Bersandar Kepuasan Kerja	
		Nilai Korelasi (r)	Kesignifikan (p)
30	Komunikasi Ke Bawah	0.657	0.000
	Komunikasi Ke Atas	0.784	0.001

p < 0.05

Jadual 23 di atas menunjukkan bagi hubungan komunikasi ke bawah dengan kepuasan kerja, nilai korelasi ialah 0.657 pada aras signifikan 0.000. Ini menunjukkan terdapat korelasi yang kuat dan hubungan yang signifikan antara komunikasi ke bawah dengan kepuasan kerja guru.

Bagi hubungan komunikasi ke atas dengan kepuasan kerja pula, nilai korelasi ialah 0.784 pada aras signifikan 0.001. Ini menunjukkan bahawa komunikasi ke atas juga mempunyai korelasi yang sangat kuat dan hubungan yang signifikan dengan kepuasan kerja guru.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hubungan komunikasi ke atas dengan kepuasan kerja adalah lebih kuat berbanding dengan hubungan komunikasi ke bawah dengan kepuasan kerja guru.

4.5.3 Perincian Hubungan Komunikasi Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Guru-guru

Jadual 24 di bawah menunjukkan perincian hubungan komunikasi pengetua dengan kepuasan kerja guru. Antara perkara yang dikaji ialah hubungan komunikasi ke bawah dengan kepuasan kerja dari aspek faktor pendorong dan faktor higien serta hubungan komunikasi ke atas dengan kepuasan kerja dari aspek faktor pendorong dan faktor higien.

Jadual 24 – Perincian Komunikasi Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Guru

Jumlah (n)	Variabel Bebas	Variabel Bersandar			
		Faktor Pendorong		Faktor Higien	
30	Komunikasi Pengetua	'r'	p	'r'	p
		1. Komunikasi Ke bawah	0.586	0.001	0.695
	2. Komunikasi Ke Atas		0.726	0.000	0.787

Merujuk kepada Jadual 24, didapati bahawa nilai korelasi $r = 0.586$ pada aras signifikan 0.001 menunjukkan terdapat korelasi yang kuat dan hubungan yang signifikan antara komunikasi ke bawah dengan faktor pendorong. Nilai korelasi $r = 0.695$ pada aras signifikan 0.000 juga menunjukkan terdapat korelasi yang kuat dan hubungan yang signifikan antara komunikasi ke bawah dengan faktor higien di kalangan responden.

Jadual 24 yang menunjukkan nilai korelasi $r = 0.726$ pada aras signifikan 0.000 bermakna terdapat korelasi yang sangat kuat dan hubungan yang signifikan antara komunikasi ke atas dengan faktor pendorong. Nilai korelasi $r = 0.787$ pada aras signifikan 0.000 juga menunjukkan terdapat korelasi yang sangat kuat dan hubungan yang signifikan di antara komunikasi ke atas dengan faktor higien di kalangan responden. (Rujuk Jadual 21).